

Perkumpulan Perempuan Sungai Merab (1961)

Dirujuk oleh

- [Kampung Sungai Merab \(1860-an\)](#)

1961-09-29: Penubuhan Perkumpulan Perempuan Sungai Merab

"Perkumpulan Perempuan Sungai Merab, Kajang telah mengadakan jamuan teh kerana menyambut genap sa-tahun tertuboh-nya persatuan tersebut dan juga untuk merai'kan Che'gu Jamilah binte Ahmad yang telah memenangi hadiah pertama dalam Peraduan Mengarang Sajak untuk ahli2 Perkumpulan Perempuan Sa-Malaya pada 14 September yang lalu. Jamuan ini telah di-adakan di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang pada hari Sabtu 29 September yang lalu, dan telah di-hadhiri oleh lebih dari 100 orang jemputan yang terdiri dari pemuda2 UMNO dan juga ibu bapa di-kampung itu. Perkumpulan Perempuan ini telah di-tubuhkan pada bulan September tahun 1961 dengan mempunyai sa-ramai 50 orang ahli." (Berita Harian, 3 October 1962, Page 9:

|
"W.I. SUNGAI MERAB MERAYAKAN ULANG TAHUN YG PERTAMA").

1961-11-25: Perasmian Pertubohan Perkumpulan Perempuan Kampong Sungai Merab

"Wanita2 yang sudah mempunyai kemajuan hendak-lah memimpin wanita2 yang tinggal di-kampung. Demikian Che' Kamsiah binti Ibrahim pengelola Pertubohan Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor ketika beruchap di-hadapan sa-ramai 100 orang wanita di-masa meresmikan Pertubohan Perkumpulan Perempuan Kampong Sungai Merab 8 batu dari Kajang pada hari Sabtu 25 November 61. Pertubohan ini telah didirikan di-kampung ini kira2 dua bulan yang lalu di-pimpin oleh Che' Zahrah binti Haji Abas dan di-bantu oleh Che'gu Maimunah binti Yunus sa-orang guru sekolah kebangsaan di-sini." (Berita Harian, 27 November 1961, Page 5:

|
"Wanita2 yang maju di-seru memimpin").



"Gambar menunjukkan sa-bahagian daripada kaum ibu Kampong Sungai Merab kira2 8 batu dari Kajang bergambar ramai sa-telah menubuhkan Persatuan Perkumpulan Perempuan kampung tersebut pada minggu lalu. Perasmian penubuhan perkumpulan itu telah di-lakukan oleh Che' Kamisah bt. Ibrahim, Pengelola Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor. Persatuan yang baharu di-tubuhkan itu di-pimpin oleh Che' Sahrah bt. Haji Abas dwan di-bantu oleh Che'gu Maimunah bt. Yunos." (Berita Harian, 8 December 1961, Page 7:

"PERKUMPULAN PEREMPUAN MERAB").

1962-07: Kegiatan Perkumpulan Perempuan di Sekolah

"Menteri Besar Selangor, Dato' Abu Bakar Baginda akan merasmikan permulaan temasha sukan Sekolah2 Kebangsaan Sungai Merab, Kajang pada hari Sabtu ini, dan pertukangan tangan yang akan di-adakan oleh orang2 kampung pada hari itu juga akan di-buka oleh Menteri Besar itu." (Berita Harian, 28 July 1962, Page 10:

"Temasha sukan Sungei Merab").



"Gambar di-atas menunjukkan sa-bahagian daripada ahli2 Perkumpulan [sic: Perempuan] Sungai Merab, Kajang yang di-pimpin oleh Che'gu Maimunah binte Yunos bergambar ramai sa-belum memulakan kelas masak memasak dan ilmu rumahtangga yang diadakan dua kali seminggu di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab." (Berita Harian, 20 July 1962, Page 7:

|

"Mereka giat belajar masak memasak").





Kiri: "Sa-bahagian dari kaum

ibu yang datang ka-pameran perusahaan tangan Perkumpulan Perempuan Sungai Merab sedang memerhatikan bunga2an kertas dan kain buatan kaum ibu yang di-adakan pada hari Ibu Bapa di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab pada hari Sabtu yang lalu." (Berita Harian, 3 August 1962, Page 6:

"Kaum ibu lihat perusahaan").

Kanan: "Sa-bahagian dari ahli2 Perkumpulan Perempuan Sungai Merab Kajang waktu mengadakan pertunjukan perusahaan tangan pada hari ibu bapa di-sekolah kebangsaan Sungai Merab baharu2 ini. Berdiri di-tengah ia-lah Che'Gu Maimunah Yunos, Pengerusi perkumpulan di-sini." (Berita Harian, 10 August 1962, Page 6:

"Di-pameran kerajinan tangan").

Terdapat kekhuatiran bahawa anggota UMNO yang banyak bergiat di dalam persatuan sebegini akan melemahkan parti tersebut: "Selaran2 hebat terhadap beberapa buah badan sukarela telah di-buat oleh dua tokoh UMNO Selangor waktu merumuskan kertas kerja mengenai Pemuda dan Kaum Ibu UMNO dalam majlis kursus politik UMNO Selangor semalam. Kursus itu telah ber-langsung di-Dewan Melayu di-sini di-ikuti oleh 300 peserta terdiri dari anggota2 UMNO dari beberapa Bahagian di-seluruh Selangor. Dato Kampo Rajo bin Bagindo Kayo, Pengerusi sidang penuh kursus itu telah menentang kesimpulan kertas kerja itu yang menggalakkan pemuda dan Kaum Ibu UMNO menchampori badan2 sukarela di-negeri ini. Kata-nya, banyak badan2 sukarela di-negeri ini lebeh banyak memberi kesan burok terhadap UMNO daripada yang baik, kerana bila badan2 itu di-tubuhkan maka lumpoh-lah UMNO di-daerah itu. Menurut Dato itu badan2 sukarela itu mulanya banyak 'memberi gula2' kapada anggota2-nya hingga anggota2 UMNO sendiri sanggup meninggalkan parti politik-nya. Sa-bagai chontoh di-sebutkan Persekutuan Perkumpolan Wanita (Women's Institute) yang menurut-nya lebeh 'banyak Kaum Ibu UMNO.' Hal seperti itu, kata-nya, telah berlaku di-kampung Sungai Merap, Ulu Langat, dan mungkin berlaku di-tempat2 lain." (Berita Harian, 31 July 1962, Page 5:

"Badan2 sukarela di-selar dlm kursus politik UMNO S'gor").

1962-09-14: Che'gu Jamaliah Menang Peraduan Sajak

"Sa-bagai mengambil sempena Bulan Bahasa Kebangsaan yang kedua tahun ini, Pertubohan

Perkumpulan Perempuan Persekutuan Tanah Melayu telah menganjurkan suatu peraduan menggubah sajak yang di-bukakan kepada ahli2-nya di-seluruh Malaya. Tajuk untuk peraduan itu ia-lah PERKUMPULAN PEREMPUAN, dan peraduan tersebut di-kelolakan oleh sa-buah Jawatankuasa Khas dengan Puan Salmah Shamsuddin sa-bagai pengerusi, dan Puan Halimah Mansor dan Puan Hasnah Melan sa-bagai pembantu2-nya. Sajak2 yang di-pertandingkan telah di-adili di-peringkat negeri masing2, kemudian tiga dari sajak yang terbaik sa-kali dari tiap2 negeri itu telah di-kumpulkan untuk pengadilan yang terakhir. Pengadilan terakhir ini telah di-lakukan oleh Puan SALMI MANJA penyajak wanita kita yang ulong. Pemenang2 peraduan menggubah sajak, yang masing2 menerima piala perak, ia-lah saperti berikut:-

Hadiah Pertama:

PUAN JAMILAH BT. AHMAD

dari PERKUMPULAN PEREMPUAN SUNGAI MERAB, KAJANG, SELANGOR.

Hadiah Kedua: PUAN HASHIMAH BT. MOHD. NOR

dari PERKUMPULAN PEREMPUAN KAMPONG LENGA, MUAR, JOHOR.

Hadiah Ketiga: PUAN UMMI Kalthum Hj. Abdul Hamid,

dari PERKUMPULAN PEREMPUAN LENGGONG, PERAK.

Di-bawah ini di-siarkan sajak gubahan Puan Jamilah bt. Ahmad, yang mendapat hadiah pertama, bagi tatapan puan2 pembacha.

PERKUMPULAN PEREMPUAN

*Di-kau umpama chendawan tumbuh,
Di-sana sini dikau menjelma,
Di-merata pelusok dikau menjelajah,
Munchul tanpa mengira masa dan detik,
Untuk kepentingan kaum yang lemah longlai.*

*Perkumpulan ini memang terkenal,
Tegak berdiri dengan gagah dan megah,
Memberi sumbangan sa-genap anggota,
Berbakti pada ra'ayat murba dan nusa.*

*Semenjak kemerdekaan menjelang,
Dikau munchul satu demi satu,
Bertaboran.... umpama bintang di-angkasa,
Nama dikau semerbak saperti kembang pagi*

*Ah! dikau di-sanjong, di-hormati,
Berjasa, berbakti pada ibu pertiwi,
Hidup-lah dikau tanpa mati,
Untuk kepentingan insan seluruh-nya.*

*Sumbangan dikau sungguh banyak,
Umpama ubor di-malam pekat,
Dikau menunjokkan ka-arrah chita-chita.*

Tapi, wahai anggota

*Pupok-lah, bajai-lah daku,
Bajai-lah dengan keluhoran hati,
Agar sumbangan daku kekal abadi,
Untuk kepentingan anggota semua.*

*Ta' ada kumpulan ta'ada anggota,
Ta' ada semangat ta' ada chita-chita,
Kedua sa-jajar dan sa-haluan,
Bak roh dan jasad.*

SELANGOR, 1962."

(Sumber: Berita Harian, 17 September 1962, Page 6:

"PERADUAN MENGGUBAH SAJAK";

"PERKUMPULAN PEREMPUAN").



"Kerana posmen tidak pernah menjengah ka-kampung-nya, sa-orang anggota Perkumpulan Perempuan di-sini yang telah memenangi peraduan mengarang sajak anjoran Perkumpulan Perempuan Malaya tidak dapat menerima sendiri hadiah-nya dari Tengku Abdul Rahman. Kesah ini berlaku ka-atas Che'gu Jamaliah binti Ahmad, sa-orang guru di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab. Che'gu Jamaliah di-jadualkan menerima sendiri hadiah-nya di-dalam upacara yang di-langsungkan di-ibu pejabat Perkumpulan Perempuan Malaya di Petaling Jaya pada 14 September lalu. Tetapi surat itu tidak di-terima-nya hingga 21 September lalu kerana 'terpendam' di-pejabat pos Kajang sa-lama sa-minggu. Dan Che'gu Jamaliah lebeh dulu mendapat tahu tentang kemenangan-nya itu melalui Ruangan Wanita, Berita Harian pada 17 September - tiga hari sa-sudah upacara menyampaikan hadiah itu berlangsung. 'Oh betapa-lah kesal-nya hati saya. Saya telah kehilangan peluang untuk hadir dalam upacara itu...' kata-nya kapada Berita Harian hari ini. Dan Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah Kebangsaan Sungai Merab, Inche Muhamad Yunos b. Mihad bersetuju dengan-nya

'Kampong ini lapan batu sahaja dari bandar Kajang'. 'Tetapi sudah sa-tahun kami tidak melihat posmen. Surat2 orang kampong di-kirirkan sahaja kapada dreber taxi atau di-letak-kan sahaja di-sabuah kedai di-bandar Kajang untok di-ambil sendiri oleh tuan-nya.' Pegawai Pejabat Pos Kajang, Inche Nordin bin Ibrahim bila mendapat tahu rungutan2 ini berkata: 'Saya tidak tahu kejadian ini.' 'Biasa-nya sa-orang posmen bertugas menghantar surat ka-kampong ini tiga kali sa-minggu - pada hari Thalatha, Khamis dan Sabtu.' Beliau bagaimana pun berjanji akan menyiasat peristiwa itu." (Berita Harian, 24 September 1962, Page 2:

"Jamaliah ta' dapat hadiah kerana posmen tidak ada").

1962-10-04: Perancangan Kelas Tarian Asli

"Perkumpulan Perempuan Sungai Merab Kajang akan mengadakan kelas tarian asli untok mengalakkan ahli2-nya supaya lebeh chenderong mempelajari kebudayaan Melayu sendiri. Kenyataan ini telah dibuat oleh Setiausaha Perkumpulan di-sini, Che'gu Maimunah binti Yunos dalam satu majlis jamuan teh yang di-adakan kerana menyambut hari ulang tahun pertama perkumpulan ini pada hari Sabtu yang lalu. Che'gu Maimunah menerangkan bahawa Perkumpulan Perempuan Sungai Merab ini mula2 di-tubuhkan pada bulan September tahun lalu. Sa-telah berjalan sa-lama tiga bulan ia telah mendapat sambutan hangat dari kaum ibu di-sini dan sekarang ahli telah bertambah menjadi 85 orang. Che'gu Maimunah juga menerangkan bahawa semenjak perkumpulan ini di-tubuhkan perkumpulan ini telah dapat mengadakan kelas masak memasak dan urusan rumah tangga yang di-adakan sa-minggu sa-kali. Satu lagi kejayaan yang telah di-chapai oleh perkumpulan ini, ia-lah menghantar sa-ramai dua orang ahli-nya berkursus di Taman Asohan RIDA di-Kuala Lumpur sa-lama tiga bulan. Baharu2 ini Che'gu Jamilah binti Ahmad sa-orang ahli perkumpulan ini telah berjaya memenangi hadiah yang pertama dalam peraduan mengarang sajak yang di-anjorkan oleh Perkumpulan Perempuan Persekutuan Tanah Melayu." (Berita Harian, 4 October 1962, Page 7:

"Pertubohan wanita adakan kelas tarian untok ahli").

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipoh	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shahrir <sazli@pulasan.my>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From:

<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:

https://bangi.pulasan.my/perempuan_sgmerab

Last update: **2025/10/06 17:52**

